

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SBW 211 - Ekonomi Untuk Pengajian Pembangunan

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Jawab soalan No. 1 di dalam Bahagian A yang diwajibkan; dan mana-mana DUA (2) soalan dari Bahagian B. Tiap-tiap soalan mempunyai jumlah markah yang sama.

Bahagian A

Soalan Wajib.

1. Berikan takrif dan definisi, ataupun terangkan dengan ringkas SEPULUH (10) daripada 15 istilah-istilah dibawah:

- i. Barang Awam (*Public Goods*)
- ii. Barang Modal (*Capital Goods*)
- iii. Ekonomi Agglomerasi (*Agglomeration Economies*)
- iv. Ekonomi Bidang (*Economies of Scale*)
- v. Keluk Lorenz (*Lorenz Curve*)
- vi. Kesan Peganda (*Multiplying Effect*)
- vii. Kesan Surutan (*Backwash Effect*)
- viii. Kesan Tebaran (*Spread Effect*)
- ix. Keseimbangan dan Kesamaan (*Equality and Equity*)
- x. Pembangunan Mampan (*Sustainable Development*)
- xi. Pengangguran tak Ketara (*Disguised unemployment*)
- xii. Guna tenaga tak Penuh (*Underemployment*)
- xiii. Pengangguran Terbuka (*Open Unemployment*)
- xiv. Rantaian ke belakang (*Backward linkage*)
- xv. Rantaian ke hadapan (*Forward linkage*)

(100 markah)

...2/-

Bahagian B

Jawab mana-mana DUA (2) soalan.

2. "Pertumbuhan dan Pembangunan adalah dua istilah yang membawa maksud yang berbeza. Perbezaannya adalah berhubung dengan ukuran-ukuran ataupun petunjuk-petunjuk pembangunannya". Dengan menggunakan contoh-contoh, bincangkan:

i. Apakah perbezaan diantara Pertumbuhan dan Pembangunan?

(40 markah)

ii. Kenapakah pendapatan per kapita tidak boleh dijadikan sebagai ukuran ataupun petunjuk asas pembangunan sesuatu negara, dan apakah petunjuk-petunjuk yang terbaik yang patut digunakan?

(60 markah)

3. "Mengikut Teori dan Bentuk Perubahan Struktur (*Theories and Patterns of Structural Changes*), kemunduran luar bandar di kebanyakan negara sedang membangun adalah disebabkan banyak faktor-faktor termasuklah Pengangguran tak Ketara (*disguised unemployment*), Guna tenaga tak Penuh (*under-employment*) dan produktiviti yang rendah (*low productivity*) di sektor pertanian. Salah satu cara untuk menseimbangkan pendapatan penduduk bandar dan luar bandar adalah dengan menggalakkan migrasi dari luar bandar ke bandar". Bincangkan keadaan sebenar dan implikasi daripada galakan migrasi ini terhadap tempat yang dituju dan tempat yang ditinggalkan.

(100 markah)

4. Menurut laporan akhbar baru-baru ini pihak Kerajaan Persekutuan telah meluluskan permohonan sebuah syarikat industri berat di Malaysia untuk membangunkan satu kawasan seluas hampir 5,000 hektar di Tanjung Malim. Syarikat tersebut telah merancang untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai bandaraya kereta (*automobile city*) Malaysia yang pertama dan yang terancang yang menyerupai fungsi-fungsi bandar Detroit di Amerika Syarikat. Dengan menggunakan istilah-istilah ekonomi seperti agglomerasi ekonomi, ekonomi bidangan, kesan tebaran, kesan surutan, rantaian ke hadapan, rantaian ke belakang dan sebagainya, bincangkan implikasi pembangunan bandar yang dirancang tersebut terhadap ekonomi setempat dan ekonomi kawasan.

(100 markah)

...3/-

5. "Malaysia dikatakan sebagai satu sistem ekonomi yang unik dimana ia mengalami satu keadaan yang bertentangan dengan teori-teori pembangunan seperti Teori dan Bentuk Perubahan Struktur (*Theories and Patterns of Structural Changes*) yang diutarakan oleh W. Arthur Lewis dan Teori Pembangunan Konvensional (*Conventional Development Theory*) yang dikemukakan oleh Simon Kuznets. Didalam suasana pertumbuhan ekonomi yang pesat ini, Malaysia mengalami kekurangan pekerja di sektor bandar dan luar bandar, dan terpaksa mengimport buruh-buruh daripada negara-negara jiran untuk mengisi kekosongan ini". Berdasarkan kenyataan diatas, apakah implikasi keadaan ini kepada kedudukan sosio-ekonomi dan kewangan negara. Huraikan dengan jelas dan teratur.

(100 Markah)

- oo o0o oo -